

SUMBER

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA



جامعة العلوم الإسلامية بماليزيا

ISLAMIC SCIENCES UNIVERSITY OF MALAYSIA

Laporan Penyelidikan

HALANGAN BERKOMUNIKASI DALAM BAHASA ARAB
DI KALANGAN PELAJAR KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

Perpustakaan USIM



1000043387

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA PERPUSTAKAAN	
DITOLONGKAN BERSAMA SAMA WITH BEST COPY RIGHTS	
FROM	
DATE	

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
PERPUSTAKAAN

Laporan Penyelidikan

HALANGAN BERKOMUNIKASI DALAM BAHASA ARAB
DI KALANGAN PELAJAR KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

KOD : PPPP (J) / 2006

Ketua Penyelidik

Lubna Abd Rahman

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU)

E-mel: lubna@admin.kuim.edu.my

Penyelidik bersama

Wan Azura Wan Ahmad

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU)

E-mel: [wanazura@admin.kuim.edu.my](mailto:wanzura@admin.kuim.edu.my)

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus

Laman Web: www.kuim.edu.my


April 2006

PENGAKUAN

Kami akui bahawa keseluruhan isi penyelidikan ini adalah hasil kerja kami sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya kami jelaskan sumbernya.


Tarikh: 10 April 2007

Ketua Penyelidik



Lubna Abd Rahman

Penyelidik bersama



Wan Azura Wan Ahmad

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah, tuhan pencipta alam dan segala isinya. Selawat dan salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, keluarga dan para sahabat baginda serta para pengikutnya. Alhamdulillah kami panjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin serta limpah kurnianya dapat kami menyempurnakan satu projek penyelidikan berkod PPPP (J) / 2006.

Setinggi-tinggi penghargaan kami ajukan kepada pihak Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) atas keizinan dan kemudahan yang dihulurkan untuk menyempurnakan penyelidikan ini. Terima kasih tidak terhingga diucapkan kepada Y.Bhg Dr. Rosni Samah, Tn Hj Ismail Abdullah, Tn Hj Sulaiman Ismail dan saudari Noor Mardiah Mustapha (USIM), Dr. Hajjah Salmah Hj Ahmad dan Ust. Faizol Azham bin Mohaammad (UKM) dan Dr. Akmal Khuzairi Abd Rahman (UIAM) atas kesediaan dan kerjasama yang diberikan dalam temubual yang telah diadakan. Tidak lupa juga jutaan terima kasih kepada En. Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin atas kerjasama beliau menganalisa borang soal selidik menggunakan perisian program SPSS. Selain itu, sekalung penghargaan kami ucapkan kepada para pelajar dari FSU, FPQS dan FPBU atas kerjasama yang tidak berbelah bagi dalam menjawab borang soal selidik.

Kami juga ingin merakamkan sekalung penghargaan kepada Naib Canselor USIM, Y.Bhg Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj Hussin, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Pengantarabangsaan USIM, Y.Bhg Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dolah, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni USIM, serta seluruh pegawai dan kakitangan USIM yang terlibat secara langsung atau tidak dalam menjayakan penyelidikan ini.

Semoga penyelidikan ini dapat memberi panduan dan input yang berguna kepada para pelajar, ahli akademik dan para penyelidik khususnya serta USIM amnya untuk meningkatkan mutu penggunaan bahasa Arab terutamanya di dalam kampus serta membantu graduan dalam alam kerjaya mereka demi merealisasikan objektif dan hasrat USIM memartabatkan bahasa Arab sebagai bahasa utamanya.

ABSTRAK

Penyelidikan ini mengkaji halangan berkomunikasi dalam bahasa Arab dalam kalangan pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang dulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM). Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian soal selidik diaplikasikan dengan mengedarkan borang kepada 147 orang pelajar dari tiga buah fakulti terpilih iaitu Fakulti Syariah dan Undang-undang (FSU), Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) dan Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU). Selain daripada itu, kaedah temu bual juga diadakan antara penyelidik dan beberapa individu yang terdiri daripada ahli akademik dan pelajar dari tiga buah universiti tempatan iaitu USIM, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Temu bual ini diadakan untuk mengetahui pandangan responden mengenai tahap komunikasi pelajar dalam bahasa Arab serta mendapatkan panduan dan pendekatan yang boleh diaplikasikan untuk menangani halangan dan masalah komunikasi pelajar dalam bahasa tersebut. Kajian ini mendapati bahawa faktor utama yang menjadi halangan kepada para pelajar untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab di dalam kelas mahupun di luar kelas adalah faktor psikologi yang merujuk kepada sikap pelajar itu sendiri. Sikap tidak yakin, malu dan takut melakukan kesilapan dalam pertuturan merupakan antara halangan tersebut. Beberapa pendekatan diutarakan di dalam kajian ini yang antara lain menyentuh penggunaan bahasa tersebut di dalam kampus secara bersepadu antara pelajar dan pensyarah serta mendapat kerjasama dari pihak pengurusan universiti.

ABSTRACT

This research investigates the obstacles in communicating in the Arabic language among students of Islamic Science University of Malaysia (USIM), formerly known as Islamic College University of Malaysia (KUIM). The methodology used to achieve the objective of the study is the questionnaire approach. This is conducted by distributing the forms to 147 students from three selected faculties: Faculty of Syariah and Law (FSU), Faculty of Quran and Sunnah Studies (FPQS) and Faculty of Major Language Studies (FPBU). In addition, the interview method was also used between the researcher and a few selected individuals who are academicians and student from three local universities: USIM, International Islamic University of Malaysia (IIUM) and National University of Malaysia (UKM). This was conducted to know respondents' views about students' level of communication in Arabic, and to gather guidelines and approach which can be applied to solve the communication problems among students. The findings show that the main factor that contributes to students' difficulty to communicate in Arabic, whether in class or outside class, is because of psychological factor. This refers to students' own attitude which is lack of confidence, shy and afraid of making mistakes in speaking. The approach provided in the research is students and lecturers use the target language in the campus in integration, and through cooperation from the management of the university.

ملخص البحث

يحاول هذا البحث رصد حواجز طلبة جامعة العلوم الإسلامية الماليزية (USIM) (معروفاً بكويم سابقاً) في المحادثة باللغة العربية . ويتخذ هذا البحث وسائل لمعرفة تلك الحواجز، ومنها توزيع الاستبيانات إلى ١٤٧ طالباً من ثلاث كليات وهي كلية القانون والشريعة، وكلية دراسات القرآن والسنة، وكلية دراسات اللغة الرئيسية. إضافة إلى ذلك، فإن المقابلة أيضاً مستخدمة بين الباحث والمحاضرين والطلبة المختارين من ثلاث جامعات حكومية في ماليزيا وهي جامعة العلوم الإسلامية الماليزية، والجامعة الإسلامية العالمية بماليزيا (UIAM)، والجامعة الوطنية الماليزية (UKM). تهدف هذه المقابلة إلى معرفة آرائهم حول مستوى الطلبة في التواصل وممارستهم اللغة العربية ومعرفة الطرق الفعالة لحل تلك المشكلة. يتوصل البحث إلى أن العامل الرئيس ينبثق من داخل الطلبة أنفسهم مثل عدم الثقة بالنفس، والحياء، والخوف من ارتكاب الأخطاء في التحدث. ومن الحل المقترح هو استخدام اللغة العربية وممارستها بشكل مستمر في كل مكان بين أفراد الجامعة لا سيما بين الطلبة والمحاضرين. إن للجامعة دور مهم في إنشاء البيئة العربية وإحيائها، وذلك بتكثيف الثروة اللغوية لدى الطلبة من خلال لوحات الإعلانات والنشاطات اللغوية الأخرى في الحرم الجامعي.

ISI KANDUNGAN

Pengakuan	i
Penghargaan	ii
Abstrak	iii
Abstract	iv
ملخص البحث	v
Isi kandungan	vi
Senarai jadual	viii
Senarai rajah	ix

BAB 1 PENGENALAN

1.0	Pendahuluan	1
1.1	Permasalahan Kajian	2
1.2	Persoalan Kajian	3
1.3	Definisi	3
1.4	Objektif Kajian	4
1.5	Kepentingan Kajian	4
1.6	Metodologi	5
1.7	Skop Kajian	6

BAB 2 BAHASA ARAB DAN KEMAHIRAN BERKOMUNIKASI (BERTUTUR)

2.1	Bahasa dan Kepentingannya	7
	2.1.1 Peranan Bahasa dalam Kehidupan	10
2.2	Bahasa Arab dan Kepentingannya	13
	2.2.1 Kepentingan Bahasa Arab Kepada Bahasa-bahasa Lain	14
	2.2.2 Kepentingan Bahasa Arab di Malaysia di Era Globalisasi	20
2.3	Kemahiran Berkomunikasi (Bertutur) Dalam Bahasa Arab dan Kepentingannya	23
	2.3.1 Kemahiran Berkomunikasi (Bertutur) Elemen Asas Dalam Pembelajaran Bahasa	23
	2.3.2 Kemahiran Berkomunikasi (Bertutur) Dalam Bahasa Arab	25
	2.3.3 Kepentingan Kemahiran Berkomunikasi (Bertutur) Dalam Bahasa Arab	28

BAB 3
PENGANALISAAN DATA SOAL SELIDIK

3.1 Analisa Borang Soal Selidik	32
3.1.1 Analisis Deskriptif	33
3.1.1.1 Bahagian A: Maklumat latar belakang akademik, pengalaman dan minat responden terhadap bahasa Arab.	33
3.1.1.2 Bahagian B: Maklumat mengenai berkomunikasi dalam bahasa Arab.	37

BAB 4
LAPORAN TEMU BUAL

4.1 Temubual Pertama	50
4.2 Temubual Kedua	53
4.3 Temubual Ketiga	55
4.4 Temubual Keempat	59
4.5 Temubual Kelima	61
4.6 Temubual Keenam	65
4.7 Temubual Ketujuh	67

BAB 5
DAPATAN KAJIAN DAN CADANGAN

5.1 Dapatan Analisa Borang Soal Selidik	71
5.2 Dapatan Laporan Temu Bual	79
5.3 Cadangan	84

BAB 6
PENUTUP

Kesimpulan	89
------------	----

RUJUKAN	92
----------------	----

LAMPIRAN	95
-----------------	----

SENARAI JADUAL

<i>Jadual</i>	<i>Muka surat</i>
Jadual 1: Contoh perkataan pinjaman bahasa Arab	15
Jadual 2: Pengaruh bahasa Arab dalam bahasa tempatan	17
Jadual 3: Bahasa Arab dalam bahasa Eropah	19
Jadual 4: Perkataan pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Asia	20
Jadual 5: Taburan Responden Mengikut Jantina	33
Jadual 6: Taburan Responden Mengikut Tahun Pengajian	34
Jadual 7: Taburan Responden Mengikut Fakulti	34
Jadual 8: Taburan Pengalaman Responden Dalam Mempelajari Bahasa Arab	35
Jadual 9: Taburan Peringkat Responden Mula Mempelajari Bahasa Arab	36
Jadual 10: Taburan Minat Responden Terhadap Bahasa Arab	37
Jadual 11: Persepsi responden terhadap bahasa Arab	37
Jadual 12: Taburan Faktor Penghalang Dalam Proses Komunikasi Bahasa Arab	40
Jadual 13: Taburan Sumber Yang Membantu Proses Komunikasi Bahasa Arab	48

SENARAI RAJAH

<i>Rajah</i>	<i>Muka surat</i>
Rajah 1: Aktif berinteraksi dengan pensyarah	41
Rajah 2: Bertemu pensyarah di luar kelas	42
Rajah 3: Menggunakan bahasa Arab di dalam dan di luar kelas	42
Rajah 4: Kursus Maharat al-Muhadathah mencukupi dan memadai	43
Rajah 5: Kandungan buku Maharat al-Muhadathah	44
Rajah 6: Pensyarah mempelbagaikan aktiviti	44
Rajah 7: Pensyarah menggunakan bahasa Arab sepenuhnya apabila bertemu pensyarah	45
Rajah 8: Suasana persekitaran di KUIM membantu dalam kemahiran berkomunikasi	46
Rajah 9: Aktiviti ko-kurikulum tambahan membantu keupayaan berkomunikasi	46
Rajah 10: Mendengar dan menonton rancangan berbahasa Arab	47

BAB 1

PENGENALAN

1.0 PENDAHULUAN

Bahasa Arab adalah bahasa pengantar yang digunakan di dalam pengajaran dan pembelajaran di USIM terutamanya di dalam bidang pengajian Islam, di samping penggunaan bahasa Inggeris. USIM berhasrat melahirkan para pelajar yang cemerlang di dalam bidang masing-masing dan fasih menggunakan kedua-dua bahasa ini. Antara pengajian yang menggunakan bahasa Arab di dalam pengajaran dan pembelajarannya ialah pengajian Quran dan Sunnah, pengajian Syariah dan undang-undang dan pengajian bahasa Arab dan komunikasi.

Komunikasi bahasa Arab yang berkesan mampu melahirkan pelajar yang cemerlang dan berketrampilan. Penguasaan yang efektif dalam bahasa Arab perlu diaplikasikan melalui pertuturan dan komunikasi harian. Pertuturan harian ini perlu dipraktikkan oleh pelajar-pelajar di dalam kampus mahupun di luar kampus. Namun demikian, berdasarkan kepada temu bual yang telah dilakukan terhadap sebilangan pelajar USIM, didapati tidak ramai pelajar yang benar-benar boleh menguasai bahasa Arab dan menggunakannya di dalam kampus. Oleh itu, adalah amat perlu supaya satu penyelidikan dilakukan bagi mengenalpasti halangan dan masalah dalam komunikasi yang dihadapi oleh pelajar-pelajar USIM, seterusnya mencari penyelesaian agar mereka mampu memantapkan pertuturan dan komunikasi mereka di dalam bahasa Arab.

1.1 PERMASALAHAN KAJIAN

Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa utama yang digunakan bukan sahaja di negara Arab tetapi juga di benua Asia dan Afrika, termasuk Malaysia. Selaras dengan kepentingan bahasa Arab di negara ini, terutama di dalam bidang pendidikan, pelancongan dan perniagaan, USIM telah mengambil langkah menawarkan kursus-kursus yang dipelajari di dalam bahasa Arab supaya dapat melahirkan para pelajar dan graduan yang bukan sahaja fasih di dalam bahasa ini, malah cemerlang dan berkebolehan dalam kerjaya mereka.

Namun demikian, berdasarkan kepada pemerhatian penyelidik dan temu bual awalan yang telah dilakukan terhadap sebilangan pelajar USIM, didapati sebahagian besar pelajar USIM masih lemah berkomunikasi dalam bahasa ini dan tahap pencapaian mereka masih belum memuaskan. Hal ini juga jelas dapat dilihat menerusi komunikasi yang kurang dipraktikkan sama ada di dalam kelas atau di sekitar kampus. Menyedari hakikat bahawa pelajar-pelajar USIM adalah berlatar belakangkan pengajian agama dan bahasa Arab semasa di peringkat menengah, sewajarnya mereka mempunyai penguasaan yang baik dalam menggunakan bahasa Arab.

Kajian ini diharap dapat membantu menangani halangan atau masalah yang dihadapi oleh para pelajar, di samping membantu tenaga pengajar memudahkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dengan lebih berkesan.

1.2 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini mengupas persoalan berikut:

- 1) Apakah halangan yang dihadapi oleh pelajar USIM dalam berkomunikasi menggunakan bahasa Arab?
- 2) Apakah kaedah dan teknik yang sesuai bagi mengatasi halangan dan masalah tersebut?

1.3 DEFINISI

Menurut kamus Dewan, definisi halangan dan komunikasi ditakrifkan seperti berikut.

Halangan: Aral, gangguan atau rintangan atau tegahan (Kamus Dewan, 2005: 503).

Halangan berkomunikasi yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah rintangan dan permasalahan yang dihadapi oleh para pelajar dalam berkomunikasi atau faktor-faktor yang menghalang komunikasi yang berkesan.

Komunikasi: perhubungan (secara langsung atau dengan perantaraan surat, radio, telefon dan lain-lain) (Kamus Dewan, 2005: 812).

Berkomunikasi bermaksud berhubung (secara langsung atau dengan perantaraan surat, radio, telefon dan lain-lain), atau mengadakan perhubungan (bercakap, berbincang, bertukar-tukar pendapat dll).

Berkomunikasi yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah interaksi antara dua pihak menggunakan medium pertuturan atau percakapan.

Pelajar KUIIM: Pelajar KUIIM (sekarang dikenali sebagai USIM) yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah mahasiswa tahun satu, dua, tiga dan lepasan diploma dari tiga fakulti terpilih iaitu Fakulti Syariah dan Undang-undang, Fakulti Pengajian Qur'an dan Sunnah dan Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Mereka telah mengikuti kursus *Maharat al-Muhadathah wa al-Khatabah* yang ditawarkan oleh pihak universiti sebagai kursus wajib universiti.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

1. Menenal pasti halangan dan masalah yang dihadapi oleh pelajar USIM dalam proses berkomunikasi menggunakan bahasa Arab.
2. Menenal pasti pendekatan dan kaedah untuk menangani halangan dan masalah tersebut.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Bahasa Arab merupakan salah satu medium pengajaran dan pembelajaran di USIM terutamanya bagi kursus-kursus pengajian Islam dan bahasa Arab, seperti yang ditawarkan di Fakulti Quran dan Sunnah, Fakulti Syariah dan Undang-undang dan Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Malah, pada hakikatnya, semua pelajar adalah

diwajibkan mengambil kursus-kursus bahasa Arab seperti *Maharat al-kitabah*, *Maharat al-qiraah*, *Maharat al-muhadathah wa al-khatabah* dan *Maharat al-istima' wa al-fahm*, yang merupakan kursus wajib universiti. Namun, didapati para pelajar masih bersikap pasif untuk berinteraksi dan berkomunikasi dalam bahasa Arab terutamanya di dalam kelas ataupun apabila berurusan dengan pensyarah mereka.

Selaras dengan hasrat universiti ini sendiri yang ingin melahirkan para graduan yang fasih berkomunikasi dalam bahasa Arab, maka kajian ini dianggap penting bagi mencapai matlamat tersebut kerana ia akan menyingkap halangan berkomunikasi dalam bahasa Arab di kalangan pelajar, seterusnya mencari panduan serta penyelesaian untuk menangani permasalahan tersebut.

1.6 METODOLOGI

Kajian ini menggabungkan dua metodologi pengumpulan data, iaitu kuantitatif dan kualitatif. Kaedah kuantitatif melibatkan kajian soal selidik menggunakan borang soal selidik bagi mengenalpasti halangan yang dihadapi oleh para pelajar dalam berkomunikasi menggunakan bahasa Arab. Seramai 147 orang pelajar dari tiga buah fakulti terpilih iaitu Fakulti Qur'an dan Sunnah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, dan Fakulti Pengajian Bahasa Utama dijadikan responden kajian. Program perisian SPSS (*Statistical Packages for Social Sciences*) digunakan untuk menganalisa data dari maklumat bagi memperolehi peratusan dapatan kajian.

Manakala, kaedah kualitatif menggunakan kaedah temu bual yang melibatkan beberapa orang tenaga pengajar dan pelajar terpilih dari tiga buah universiti tempatan iaitu USIM, UIAM dan UKM. Temu bual ini bertujuan untuk mengetahui kaedah yang digunapakai dalam memantapkan penggunaan bahasa Arab. Selain daripada itu, kajian ini juga melibatkan kajian perpustakaan. Kaedah ini meliputi proses mengumpul maklumat mengenai bahasa Arab dan kepentingannya, serta kepentingan berkomunikasi dalam bahasa Arab pada masa kini.

1.7 SKOP KAJIAN

Kajian ini tertumpu kepada proses komunikasi pelajar USIM dalam bahasa Arab. Ia melibatkan 147 responden dari tiga fakulti terpilih, iaitu Fakulti Qur'an dan Sunnah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang dan Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Bilangan responden ini mewakili 25% daripada ketiga-tiga fakulti tersebut. Kajian ini dilaksanakan hanya ke atas pelajar-pelajar yang telah mengambil kursus *Maharat al-Muhadathah wa al-Khatabah* kerana mereka telah didedahkan dengan kemahiran bertutur bahasa Arab semasa mengikuti kursus ini.

BAB 2

BAHASA ARAB DAN KEMAHIRAN BERKOMUNIKASI (BERTUTUR)

Bahasa memainkan peranan yang penting dalam kehidupan setiap individu dan masyarakat. Bahasa diibaratkan seperti elemen utama dalam ciptaan manusia. Melaluinya seseorang mampu membina perwatakan dan keperibadiannya yang tersendiri. Selain daripada itu, dengan bahasa seseorang mampu berinteraksi dengan masyarakat dan persekitaran, seterusnya menjadikan kehidupan sosialnya lebih bermakna. Melalui bahasa juga seseorang dapat menimba pelbagai pengetahuan dan memahami nilai-nilai kehidupan di muka bumi ini. Dalam erti kata lain, bahasa merupakan pelengkap kehidupan seseorang insan.

2.1 BAHASA DAN KEPENTINGANNYA

Bahasa menurut kamus Dewan bermaksud “Sistem atau lambang bunyi suara yang dipakai sebagai alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia (antara seorang individu dengan individu yang lain dsb)” (Kamus Dewan, 2005: 106). Menurut pakar bahasa Arab, Ibn Jinni (1952: 1: 33) pula, bahasa ialah suara yang menerangkan keinginan manusia. Ibn Manzur (1968: 13: 387) pula mendefinisikannya sebagai pertuturan yang mudah.

Walau bagaimanapun, menurut Ibn Jinni- pakar bahasa Arab, perkataan bahasa boleh dihuraikan kepada beberapa kategori perbincangan iaitu:

1) Bahasa merupakan alat yang sentiasa berdampingan dengan manusia

Menurut beliau, manusia tidak dapat dipisahkan daripada bahasa, dan begitu juga dengan bahasa yang tidak akan wujud tanpa kewujudan manusia. Oleh yang demikian, menurut beliau, penemuan kesan-kesan lukisan, rumuz (simbol) dan tulisan oleh pakar-pakar sejarah di tempat-tempat bersejarah seperti di gua dan sebagainya adalah tanda kewujudan manusia di penempatan tersebut suatu ketika dulu. Ilmu yang berkaitan dalam membicarakan hubungan antara manusia dan tulisan (termasuk simbol, garisan dan sebagainya) ialah ilmu Linguistik Antropologi (Antropological linguistics).

2) Asal kemahiran bahasa individu

Pakar bahasa Arab ini turut membicarakan mengenai asal bahasa yang dimiliki oleh seseorang individu manusia. Menurut beliau, melalui kajiannya terhadap pendapat-pendapat pakar, aspek ini boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahasa boleh dipelajari secara semulajadi dan diperolehi secara dipelajari.

Definisi *bahasa* antara pakar bahasa Arab dan barat tidak banyak bezanya. Menurut Sapir (1921: 21), pakar bahasa barat yang terkenal, takrif bahasa adalah seperti berikut:

Language is a purely human and non-instinctive method of communicating ideas, emotion and desires by means of a system of voluntarily produced symbols

Maksudnya: “Bahasa adalah semata-mata suatu kaedah yang bukan naluri untuk manusia menyampaikan idea, emosi dan keinginan melalui ciptaan simbol-simbol yang lahir secara sadar”.

Menurut John Lyons, (1992), definisi ini mempunyai beberapa kekurangan. Walau bagaimana luas sekalipun kita menganalisa istilah “idea”, “emosi” dan “keinginan”, jelas sekali idea ini tidak dapat mencakupi banyak perkara yang dikomunikasikan oleh bahasa. Istilah “idea” terutamanya tidak begitu jelas. Di samping itu, didapati bahawa banyak sistem simbol yang lahir secara sadar itu hanya dianggap sebagai bahasa secara metafora atau perluasan sahaja. Contohnya, apa yang biasa dirujuk sebagai “bahasa tubuh” – iaitu yang menggunakan gerakan tangan dan kepala, gaya tubuh, renungan mata dan sebagainya menepati takrif yang diberikan oleh Sapir ini. Namun begitu, sama ada bahasa tubuh ini hanya digunakan oleh manusia sahaja dan bukan bersifat naluri masih lagi diragui. Begitu juga dengan bahasa dalam erti kata yang sebenarnya hanya digunakan oleh manusia dan juga bukan naluri.

Jelaslah di sini bahawa, sejak berkurun manusia mengiktiraf bahasa sebagai wahana komunikasi antara manusia. Kepentingannya tidak dapat disanggah dan diletakkan hampir setara dengan keperluan manusia yang lain seperti makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal. Di mana jua berada, bahasa tetap menjadi alat perantara penting bagi kita untuk menyampaikan keinginan, perasaan, tuntutan, pemikiran, dan sebagainya. Bukan sahaja manusia, bahkan haiwan dan serangga juga mempunyai bahasa simbolik mereka sendiri untuk berkomunikasi sesama mereka. Keperluan hidupan yang

abstrak ini dapat diluahkan dalam bentuk yang dapat dilihat dan didengar dan dapat difahami hanya dengan bahasa. Justeru, tulisan, lisan atau isyarat dijadikan pilihan sebagai medium tersebut.

Menurut Taufiq Muhammad Shahin (1980:21, 23), pada masa dahulu bahasa hanya dianggap sebagai cara dan bukannya matlamat. Namun kini, pakar-pakar mendapati bahawa bahasa perlu dipelajari sebagai satu subjek yang berasingan seperti juga disiplin-disiplin ilmu yang lain kerana kepentingannya. Malah, kini subjek-subjek bahasa telah memiliki kaedahnya yang tersendiri, metode yang terperinci sehingga subjek bahasa telah menjadi satu subjek khusus antara subjek-subjek ilmu kemanusiaan yang lain. Menurut beliau lagi, bahasa mempunyai tiga skop iaitu skop tempat, masa dan masyarakat. Oleh yang demikian, unsur bahasa terbahagi kepada tiga iaitu suara, perkataan dan gaya bahasa. Unsur-unsur bahasa ini berkait rapat antara satu sama lain.

Oleh kerana kepentingan bahasa tidak dapat diketepikan dalam kehidupan manusia, maka kemahiran bahasa perlu dipelajari dan bukan berserah kepada kebolehan semulajadi semata-mata.

2.1.1 Peranan bahasa dalam kehidupan

Bahasa sama ada pertuturan mahupun penulisan memainkan peranan yang penting dalam kehidupan manusia. Peranan bahasa dalam kehidupan manusia boleh dibahagikan kepada beberapa kategori berikut (Husain Radhi, 2000: 14-16):

a) Peranan bahasa dalam kemasyarakatan:

Bahasa mempunyai peranan kemasyarakatan kerana:

1. Sebagai alat untuk berkomunikasi, meluahkan sesuatu dan platform untuk memahami dan memahamkan serta menyampaikan kehendak dan keperluan.
2. Alat yang menghubungkan antara sesuatu kaum atau bangsa.
3. Simbol ketamadunan sesebuah bangsa.
4. Medium untuk menyampaikan propaganda dan muamalat dalam masyarakat.
5. Satu kriteria khusus bagi manusia yang dapat menghubungkan antara zaman lampau dan zaman kini.
6. Medium untuk memperolehi pengisian agama dan pendidikan rohani serta tingkah laku yang positif.

b) Peranan bahasa dalam diri individu:

1. Medium untuk mempengaruhi dan memberikan kepuasan hujah kerana ia dapat mempengaruhi jiwa dan pemikiran
2. Medium untuk menikmati citarasa seni.
3. Mampu menggambarkan dan memenuhi keinginan manusia.
4. Mampu menggambarkan tindak balas perasaan di samping pemikiran abstrak.

c) Peranan bahasa dalam keilmuan (*thaqafiyyah*):

1. Merekodkan warisan pemikiran manusia sama ada dari segi keilmuan, kesenian mahupun sastera.

2. Merupakan medium untuk pengajaran dan memperoleh ilmu pengetahuan serta memperkayakan diri dengan nilai-nilai murni.

d) Peranan bahasa dalam pemikiran dan keilmuan:

1. Merupakan salah satu faktor untuk meningkatkan kebolehan pemikiran dengan membekalkan pemikiran individu dengan elemen-elemen yang dapat meningkatkan pemikiran.
2. Bahasa merupakan salah satu kelaziman bagi akal manusia.
3. Medium untuk menghurai dan mentafsirkan gambaran pemikiran.
4. Medium untuk peringkat pemikiran iaitu melalui 3 peringkat pemikiran seperti pemerhatian, pandangan secara umum dan kupasan.

Kesimpulannya, bahasa sebenarnya banyak mempengaruhi kehidupan seseorang manusia apatah lagi individu yang menjadikan bahasa sebagai salah satu elemen dalam kerjaya seperti tokoh-tokoh politik, penceramah dan para guru. Kepincangan seseorang individu kadang-kadang bukan disebabkan kerana pemikirannya yang kurang bernas, tetapi kekurangan bahasa yang indah dan tepat yang tidak dimilikinya untuk menyampaikan idea tersebut kepada umum. Perlu disedari bahawa banyak idea yang bernas, jitu dan baik kadang-kadang ditolak atau diketepikan begitu sahaja kerana tidak dapat disampaikan dengan menggunakan bahasa yang betul, jelas dan meyakinkan. Sebaliknya idea yang sederhana dan kurang bermutu kadang-kadang lebih dipandang, digunapakai dan diterima umum lantaran si pemilik dapat menyampaikan idea tersebut secara bahasa yang teratur, indah dan bermutu.

Oleh itu kemahiran bahasa terutamanya kemahiran berkomunikasi yang baik tidak seharusnya dipandang remeh. Kemahiran komunikasi yang baik dapat melahirkan komunikasi yang lebih berkesan. Penguasaan bahasa-bahasa asing juga perlulah dipertingkatkan dalam usaha untuk meningkatkan jaringan komunikasi kita dengan bangsa-bangsa lain. Lebih banyak bahasa kita kuasai, maka lebih luaslah hubungan yang dapat kita jalinkan seterusnya lebih banyaklah ilmu pengetahuan dan kepakaran dapat kita perolehi.

2.2 BAHASA ARAB DAN KEPENTINGANNYA

Bahasa merupakan salah satu medium komunikasi utama manusia. Tanpa bahasa, manusia akan mengalami kesukaran untuk meluahkan apa yang tersirat di dada mereka. Bahasa boleh dibahagikan kepada dua iaitu bahasa pertuturan dan bahasa isyarat (atau bukan pertuturan). Bahasa Arab pula merupakan bahasa pertuturan pertama di 22 buah negara Arab dan sebagai bahasa kedua di beberapa buah negara Islam yang lain. Ini bermakna, 1/7 bahasa ini telah dijadikan bahasa pertuturan utama oleh hampir 1/7 negara dunia. Pengiktirafannya di dunia pula jelas dapat dilihat melalui pemilihannya sebagai bahasa keenam di Pertubuhan bangsa-bangsa Bersatu (PBB), tempat ketiga di Pertubuhan Kesatuan Afrika (Organization of African Unity) dan bahasa utama di Pertubuhan Persidangan Islam (Islamic World League). Selain itu, penambahan penutur bahasa ini di persada dunia menjadi salah satu faktor yang dapat menonjolkan bahasa ini di peringkat global (M. H Bakalla, 1984:9).

2.2.1 Kepentingan bahasa Arab kepada bahasa-bahasa lain

Beberapa kajian telah ditulis oleh para sarjana mengenai kepentingan bahasa Arab di persada dunia. Menurut Mustafa Haji Daud (1996: 60), selain menjadi bahasa komunikasi seluruh umat Islam di dunia, bahasa ini juga mempunyai pengaruh dan kesan yang amat mendalam serta meluas dalam semua bahasa tempatan yang menerima Islam. Cuma perbezaan hanyalah dari segi jumlah perkataan pinjaman bahasa Arab yang terdapat dalam sesuatu bahasa tempatan.

Seperti juga bahasa tamadun lain yang mengalami perubahan, bahasa ini turut mempunyai dialek daerah yang banyak seperti Iraq, Mesir, Arab Selatan, Moroko, Tunisia dan sebagainya. Tidak semua dialek ini difahami oleh semua penduduk, namun semua kitab dan buku hanya menggunakan bahasa Arab yang boleh difahami oleh semua bangsa Arab. Bahasa Arab ini telah menguasai bahasa Sematik dan bukan Sematik seperti bahasa Berber di Afrika Utara, Indo-Iran di Parsi, India, Turki, Caucasus, Asia Tengah dan sebagainya pada zaman pertengahan, dan ini merupakan titik tolak zaman keagungannya.

Kepentingan bahasa Arab boleh dilihat melalui beberapa aspek sumbangannya terhadap pengkayaan bahasa lain di dunia. Aspek-aspek sumbangannya adalah seperti berikut:

1. Sumbangan Umum
2. Sumbangan Terhadap *Lingua Franca*

3. Sumbangan Terhadap bahasa Afrika
4. Sumbangan Terhadap bahasa Eropah
5. Sumbangan Terhadap bahasa Asia

1. Sumbangan Umum:

Sumbangan umum bahasa Arab jelas dapat dilihat melalui peminjaman bahasa ini ke dalam bahasa bangsa yang telah memeluk Islam seperti Indonesia, Afrika dan sebagainya. Perbendaharaan kata yang berasaskan al-Quran telah menjadi sebahagian daripada perkataan bahasa tempatan apatah lagi setelah Islam mempengaruhi perundangan dan cara kehidupan bangsa-bangsa tersebut.

Terdapat banyak kelompok bahasa dalam bahasa Asia, Afrika dan Eropah yang meminjam perkataan Arab seperti Bahasa Asia yang terdiri daripada bahasa Parsi, Turki, Kurdis, Urdu, Hindi, Origa, Melayu, Tamil dan lain-lain. Begitu juga dengan kelompok bahasa Afrika misalnya Swahili, Somali dan Berber dan kelompok bahasa Eropah seperti Sepanyol dan Portugis.

Contoh perkataan yang dipinjam daripada bahasa Arab bagi beberapa kelompok negara adalah seperti berikut:

Jadual 1: Contoh perkataan pinjaman bahasa Arab

Bil	Bahasa	Contoh
1	Arab, Parsi, Urdu	khobar
2	Turki	Haber

3	Swahili	Habari
4	Melayu	Khabar

Bil	Bahasa	Contoh
1	Arab	Amir al-Bahr (Laksamana Laut)
2	Perancis	Admiral
3	Inggeris	Admiral
4	Itali	Ammiraglio
5	Spanyol	Almirate
6	Portugis	Almirante

Walaupun terdapat sedikit perbezaan dari segi fonologi, namun makna asal sesuatu perkataan asal (perkataan bahasa Arab) masih tetap terpelihara.

2. Sumbangan Terhadap *Lingua Franca*

Lingua Franca ditakrifkan sebagai bahasa yang dituturkan oleh lebih dari satu bangsa dan menjadi media komunikasi dalam semua bidang di sesuatu wilayah atau rantau yang luas. Bahasa Arab dan bahasa al-Quran telah mempengaruhi sekurang-kurangnya empat bahasa *lingua franca* dunia iaitu bahasa Melayu, Urdu, Swahili dan Hausa. Kesemua bahasa ini menggunakan abjad Arab dalam tulisan mereka misalnya tulisan jawi dalam bahasa Melayu. Bukan itu sahaja, bahasa Hausa di Afrika juga turut menggunakan sistem tulisan berabjad Arab semenjak tradisi intelektual bermula dalam kalangan

mereka. Tulisan-tulisan Arab ini telah dijadikan tulisan rasmi sama ada dalam bidang ilmiah ataupun politik dan diplomatik.

Kedatangan penjajah telah memberi kesan yang besar terhadap perkembangan tulisan berabjad Arab ini. Kedatangan penjajah Inggeris telah berjaya mempengaruhi bangsa Hausa menerima abjad Latin, begitu juga dengan Tanah Melayu.

3. Sumbangan Terhadap Bahasa Afrika

Bahasa Arab telah mengambil alih peranan bahasa Qibti di Afrika Utara dan telah menjadi *lingua franca* tidak lama setelah penaklukan Mesir. Bahasa al-Quran ini juga telah mengambil alih bahasa Berber yang pernah suatu ketika dahulu menjadi bahasa rasmi Afrika Utara. Dengan penerimaan Islam, penduduk Mesir dan negeri-negeri di Afrika Utara secara automatik menerima bahasa Arab menjadi *lingua franca* di rantau itu.

Bahasa Arab turut dijadikan bahasa utama oleh penduduk Sudan, Cameroon dan Republik Afrika Tengah tidak lama selepas itu. Walaupun mengalami asimilasi dengan bahasa tempatan, namun kesan bahasa Arab tetap dapat mempengaruhi bahasa tempatan dalam banyak bidang sama ada politik, agama dan penyebaran ilmu pengetahuan. Bahasa ini juga turut diiktiraf sebagai bahasa kedua di negara Sudan Selatan dan Uganda.

Contoh pengaruh bahasa Arab dalam bahasa tempatan adalah seperti berikut:

Jadual 2: Pengaruh bahasa Arab dalam bahasa tempatan

Bil	Perkataan Bahasa Arab	Bahasa-Bahasa di Afrika
1	Adab (adab)	Ladabi (Bahasa Hausa) Adabu (Bahasa Swahili)
2	Suq (pasar)	Essuk (Bahasa Berber)
3	Akhlak (akhlak)	Akhlaak (Bahasa Somali)
4	ʿadil (adil)	Adili (Bahasa Swahili)

4. Sumbangan Terhadap Bahasa Eropah

Bahasa Eropah turut menerima kesan penyebaran bahasa Arab. Antara bahasa yang menerima impak tersebut ialah bahasa Sepanyol (Andalus). Semasa pembukaan benua Eropah oleh Tariq bin Ziyad pada kurun ke- 8 M, kerajaan Islam telah menapak di Eropah sekian lama sehinggalah zaman kebangkitan Eropah atau *Renaissance*. Penaklukan yang agak lama ini membolehkan kerajaan Islam membina empayar yang besar di Eropah terutamanya di Andalus. Pada zaman keemasan ini, berduyun-duyun manusia datang dari segenap pelusuk rantau menimba ilmu pengetahuan dan bahasa Arab di Sepanyol. Mereka inilah yang kemudiannya bertanggungjawab menyebarkan Islam ke seluruh Eropah.

Kegemilangan kerajaan Islam di Sepanyol meninggalkan kesan yang begitu mendalam terhadap dunia penyebaran ilmu pada hari ini. Salah satu pusat terjemahan yang penting pada masa itu terletak di bandar Toledo di Sepanyol. Buku-buku dalam bahasa Latin telah diterjemahkan di pusat ini dengan pesatnya ke dalam bahasa Arab. Pelbagai bidang ilmu yang diterjemahkan ini telah menyumbang kepada pengkayaan

tamadun Islam. Antara penterjemah yang telah berjaya menggilap nama adalah seperti Batahras al-Funsi dan al-Hanna Eshbily.

Bahasa Arab dilihat sebagai penyumbang penting dalam memperkayakan bahasa Sepanyol. Terdapat lebih daripada 4000 kata pinjaman bahasa Arab dalam bahasa ini terutamanya dalam bidang seni bina.

Bahasa Latin juga telah menerima habuan yang sama dengan kedatangan dan penyebaran agama Islam. Ilmu pengetahuan yang dihasilkan oleh umat Islam terutamanya di Sepanyol telah diterjemahkan kepada bahasa Latin. Dalam bahasa Inggeris pula terdapat lebih 1000 perkataan pinjaman bahasa Arab. Pemindahan ini sama ada melalui bahasa Latin atau bahasa Sepanyol.

Contoh bahasa Arab dalam bahasa Eropah adalah seperti jadual di bawah:

Jadual 3: Bahasa Arab dalam bahasa Eropah

Bil	Perkataan Bahasa Arab	Perkataan Dalam Bahasa Eropah
1	Surat (surah)	Azoara (Bahasa Latin)
2	Al-qubbat (kubah)	Alcove (Bahasa Inggeris)
3	‘aqrab	Alcran (Bahasa Sepanyol)

5. Sumbangan bahasa Arab terhadap bahasa Asia

Masyarakat Asia juga berterima kasih kepada bahasa Arab kerana telah memperkayakan bahasa tempatan mereka. Bahasa-bahasa yang diperkayakan dengan bahasa pinjaman

Arab adalah bahasa Hindi, Melayu Benggali dan Oriya. Dalam bahasa Melayu sendiri terdapat lebih kurang 2000 perkataan Arab dan jumlah tersebut bukanlah jumlah yang sedikit. Perkataan pinjaman bahasa Arab yang tersenarai dalam dalam *Kamus Dewan* juga menjangkau 1700 patah perkataan.

Walaupun kadang-kadang terdapat sedikit perubahan perkataan bahasa Arab yang telah diMelayukan, namun sumbangan bahasa syurga ini tidak dapat dinafikan dalam membantu memperkayakan bahasa Melayu. Berikut adalah contoh bahasa Arab yang dipinjamkan ke beberapa bahasa Asia:

Jadual 4: Perkataan pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Asia

Bil	Perkataan bahasa Arab	Perkataan Dalam bahasa Asia
1	Qamus (kamus)	kamus (Bahasa Melayu)
2	Barakat (berkat)	barkat (Bahasa Benggali)
3	Dunya (dunia)	duniya (Bahasa Hindi)

2.2.2 Kepentingan bahasa Arab di Malaysia dalam era globalisasi

Bahasa Arab kini bukan merupakan bahasa ibadat atau bahasa pertuturan bangsa Arab sahaja, tetapi telah melangkaui skopnya kepada bidang-bidang professional. Dalam konteks negara kita- Malaysia, bahasa ini telah dinobatkan sebagai salah satu bahasa penting dalam arus pendidikan negara. Bermula dari sekolah rendah (melalui program Jawi- Quran, Agama dan Fardu Ain atau dikenali sebagai JQAF) hinggalah ke menara

gading, bahasa Arab telah diberikan perhatian sebagai salah satu mata pelajaran di universiti.

Menyedari hakikat kepentingan bahasa Arab dalam memacu pembangunan negara masa kini, beberapa buah universiti mengambil inisiatif menubuhkan fakulti bahasa Arab atau menawarkan pengkhususan dalam bidang ini sama ada sebagai subjek teras ataupun elektif. Pada tahun 1970-an, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) merupakan satu-satunya universiti yang menawarkan Ijazah Sarjana Muda Tamadun Islam dan Bahasa Arab, namun selepas itu, jejak langkah ini terus disusuri oleh beberapa institusi pengajian tinggi yang lain seperti, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Malaya dan (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) (Lubna Abd Rahman & Wan Azura Wan Ahmad, 2006).

Malaysia kini sedang rancak mempromosikan bidang-bidang professional yang berkaitan dengan bahasa Arab. Para graduan yang memiliki ijazah dalam bidang ini diharapkan mampu memenuhi keperluan negara dalam bidang-bidang professional seperti perdagangan, pelancongan, dan penyiaran. (Wan Azura Wan Ahmad, 2006)

Dalam bidang perdagangan, bahasa Arab dianggap penting kerana syarikat-syarikat perdagangan anatarabangsa yang terdiri daripada negara-negara Arab menjalankan urusan mengimport dan mengesport produk dengan Malaysia. Penguasaan dalam bahasa Arab merupakan salah satu wasilah utama dalam menjayakan hubungan perdagangan dua hala ini. Dalam bidang penyiaran pula, bahasa Arab telah menjadi

salah satu bahasa yang digunakan dalam penyiaran di Malaysia iaitu melalui siaran radio Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Selain itu, akhbar Malaysia berbahasa Arab juga telah diwujudkan iaitu *Ahlan Wa Sahlan*, merupakan nadi yang dapat membantu para pelancong Arab memahami dan mengenali negara ini dengan lebih dekat. Kepentingan bahasa Arab dalam bidang pelancongan di Malaysia pula jelas dapat dilihat melalui perkembangan positif yang ditunjukkan oleh agensi pelancongan negara ini dengan menawarkan peluang pekerjaan yang berpendapatan lumayan bagi calon-calon yang fasih berbahasa Arab sama ada sebagai pemandu pelancong, penterjemah, juru hebah di pusat-pusat pelancongan atau lapangan terbang KLIA mahupun juru iklan.

Kesimpulannya, bahasa Arab kini telah diiktiraf dunia kerana kepentingannya kian menyerlah. Selaras dengan keperluannya di persada dunia, bahasa ini telah dinobatkan sebagai salah satu bahasa rasmi di Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Menyedari hakikat bahawa negara-negara Arab juga mempunyai kekayaan ekonomi dari segi minyak dan tenaga-tenaga lain serta mempunyai rakyat yang gemarkan aktiviti pelancongan, maka seharusnya Malaysia merebut peluang menyediakan pakar yang mampu berkomunikasi dalam bahasa ini dengan fasih untuk memenuhi tuntutan tersebut. Universiti merupakan kem latihan untuk tenaga-tenaga pakar ini menjalani latihan yang secukupnya agar dapat bersaing di dunia profesional nanti.

2.3 KEMAHIRAN BERKOMUNIKASI (BERTUTUR) DALAM BAHASA ARAB DAN KEPENTINGANNYA

Ibarat isi dengan kuku, berkomunikasi atau bertutur tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan individu khususnya dan masyarakat amnya. Dunia tidak pernah sunyi daripada aktiviti ini. Pertuturan adalah kemahiran yang lebih asas berbanding penulisan. Hal ini adalah kerana manusia lebih banyak menggunakan bahasa pertuturan termasuklah komunikasi lisan dan bukan lisan. Malah kemahiran berkomunikasi atau bertutur akan mempengaruhi kemahiran-kemahiran bahasa yang lain kerana sekiranya seseorang dapat menguasai kemahiran bertutur dan juga kemahiran mendengar, dijangka dapat juga menguasai kemahiran-kemahiran lain dengan sempurna (Kamaruddin Hj Husin, 1999).

2.3.1 Kemahiran berkomunikasi (bertutur) elemen asas dalam pembelajaran bahasa

Memandangkan bertutur dan berkomunikasi sesama manusia merupakan elemen penting dalam kehidupan sosial masyarakat, kemahiran bertutur dan berkomunikasi telah dijadikan elemen asas dalam pembelajaran bahasa terutamanya dalam pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing, di samping kemahiran-kemahiran lain seperti kemahiran mendengar, membaca dan menulis.

Kemahiran berkomunikasi tidak dapat dipisahkan daripada kemahiran mendengar. Kedua-dua kemahiran ini dikenali sebagai kemahiran lisan. Kemahiran lisan ditekankan oleh pihak institusi pengajian sama ada sekolah atau universiti adalah bertujuan

meningkatkan keupayaan para pelajar berinteraksi Selain daripada itu, kemahiran bertutur atau berkomunikasi ini perlu dititik beratkan dalam pembelajaran bahasa supaya para pelajar dapat mengekspresi pemikiran dan pemerhatian mereka terhadap sesuatu perkara menggunakan bahasa yang betul. Hal ini adalah kerana masih terdapat pelajar yang kurang mampu berkomunikasi dengan baik terutamanya di dalam kelas.

Kemahiran komunikasi lisan dilihat sebagai asas kepada peningkatan penguasaan kepada semua pembelajaran atau kecekapan berbahasa. Tujuan menguasai kemahiran lisan ini bukanlah sekadar mempelajari bahasa itu tetapi apa yang paling utama ialah untuk mencapai tahap mencapai kompetensi dalam berkomunikasi (Kamaruddin Hj Husin, 1999).

Bertutur atau berkomunikasi merupakan satu kemahiran berinteraksi yang tidak boleh dicipta atau terhasil dengan sendiri tanpa diajuk, ditiru atau diasah. Penguasaan bahasa pada asasnya bermula di rumah, iaitu pada peringkat awal, seseorang didedahkan dengan bahasa yang dituturkan ahli keluarga semenjak kecil lagi. Seterusnya, seseorang pelajar berhadapan dan terdedah dengan situasi di tempat belajar yang memerlukan kemahiran tersebut. Bertitik tolak dari pendedahan ini, para pelajar dapat meningkatkan penguasaan bahasa mereka dengan bantuan guru. Para guru bertanggungjawab membentuk kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar dan berusaha mengesan kelemahan pelajar dalam sebutan, tatabahasa dan aspek bahasa yang lain (Kamaruddin Hj Husin, 1999). Pendekatan tersebut lebih mudah dipraktikkan sekiranya bahasa yang dipelajari itu adalah bahasa pertuturan pertama.

2.3.2 Kemahiran berkomunikasi (bertutur) dalam bahasa Arab

Pengajaran dan pembelajaran bahasa sebagai bahasa kedua atau bahasa asing memerlukan lebih banyak usaha daripada kedua-dua pihak (guru dan pelajar). Hal ini kerana mereka tidak berada di dalam persekitaran bahasa tersebut. Dalam pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua di negara-negara luar Tanah Arab, kemahiran bertutur merupakan salah satu kemahiran yang amat dititikberatkan oleh institusi yang menawarkan kursus bahasa ini. Kemahiran ini perlu digarapkan melalui pelbagai aktiviti untuk mewujudkan suasana persekitaran sebenar bahasa tersebut. Persekitaran seumpama ini adalah penting untuk menggalakkan para pelajar menggunakan bahasa tersebut dengan lebih berkeyakinan.

Di Malaysia, sebagai contoh, bahasa Arab telah menjadi salah satu bahasa yang mendapat tempat dalam kalangan masyarakatnya. Pelbagai kursus bahasa Arab ditawarkan kepada masyarakat umum untuk pelbagai tujuan seperti mendalami al-Quran, memahami ajaran agama Islam yang berteraskan bahasa Arab dan sebagainya. Kepentingan bahasa ini turut ditekankan oleh kerajaan Malaysia. Pengajaran dan pembelajaran bahasa ini telah diaplikasikan di semua peringkat institusi pengajian, termasuk di sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi. Penekanan terhadap kemahiran bahasa ini iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis dilakukan di institusi-institusi tersebut. Namun, kemahiran yang paling diutamakan antara kemahiran-kemahiran tersebut ialah kemahiran bertutur atau kemahiran berkomunikasi.

RUJUKAN

Abu al-Fath °Uthman bin Jinni. 1952. *al-Khasa'is*, Muhammad °Ali al-Najjar (ed.). N.pl.: al-Maktabat al-°Ilmiyyah. Vol. 1

Husain Radhi Abd al-Rahman Abir. 2000. *Turuq Tadrīs al-Lughah al-Arabiyyah Min Manzūr Tarbawiyy Hadīs*. Kerajaan Arab Saudi: Maktabah al-Khabti al-Thaqafiyyah.

Ibn Manzūr, Jamal al-Din Muhammad bin Mukarram. 1968. *Lisan al-°Arab*. N.pl: Dar al-Misriyyah. Jilid 13.

Kamaruddin Hj. Husin. 1999. *Pengajaran Lisan: Kemahiran mendengar dan bertutur*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.

Kamus Dewan. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Edisi 4.

Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam. 2006. "Teks ucapan Majlis Penyampaian Sijil Tinggi Pelajaran Ugama (STPUB) Bagi Pelajar-Pelajar Tingkatan VI Atas Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah 2006."

<http://www.religious-affairs.gov.bn/index.php?ch=bm_bersama_timbsut&pg=bm_timbsut_ucapan&ac=189>

Lokman Mansor. 2007. *Business Times*. "Najib: Proficiency in Arabic will boost Malaysia's role". *New Straits Times*. 27 Feb 2007. p54.

Lubna Abd Rahman & Wan Azura Wan Ahmad. 2006. "The Need For Arabic Language in The Era Of Globalisation". Prosiding Persidangan *International Higher Education Policy Research & Management Forum 2006* (IPPTN). Pulau Pinang: USM. 8-11 November 2006.

Lyons, John. 1992. *Bahasa dan Lingusitik*. Ramli Salleh & Toh Kim Hoi (trans). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mahmud Kamil al-Naqah. 1985. *Ta'lim al-lughah al-Arabiyyah li al-natiqin bi lughat ukhra*. Kerajaan Arab Saudi: Universiti Umm al-Qura.

M.H Bakalla. 1984. *The Role of Arabic in The Modern Age*. London: Kegan Paul International.

Mohd Majid Konting. 1990. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Cet.1.

Mohd Salleh Abu & Zaidatun Tasir. 2001. *Pengenalan kepada Analisis Data Berkomputer: SPSS 10.0 for Windows*. Kuala Lumpur: Venton Publishing. Cet.1.

Nafi @ Hanafi Dollah. 1995. *Asalib iktisab maharat al-kalam li ghair al-natiqin bi al-Arabiyyah fi al-mustawa al-mutawassit fi al-markaz al-'idadi bi al-jami'ah al-Islamiyyah al-'alamiyyah bi Maliziyya*. Malaysia: Fakulti Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan UIAM.

Roslan Mohamed. 1992. *Dirasah tahliliyyah taqwimiyyah li maharat al-kalam °inda al-tolabah al-Maliziyyin fi al-jami'ah al-Islamiyyah al-°alamiyyah bi Maliziyya*. Sudan: Maahad al-Khourtum al-Dualiyy.

Sapir, Edward. 1921. *Language: An Introduction to the study of speech*. N.pl: Harcourt, Brace & World, Inc.

Samsuddin A. Rahim. 1993. *Komunikasi Asas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Taufiq Muhammad Syahin. 1980. *Awamil Tanmiyah al-Lughah al-Arabiyyah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.

Wan Azura Wan Ahmad. 2006. "Kesejagatan Bahasa Arab". *General Studies*. Vol 1. Kuala Lumpur: Kolej Universiti Islam Malaysia. pp 117-125.